

21/07/1999

Cadangan Nik Aziz tidak munasabah

ALOR STAR, Selasa - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mementingkan diri sendiri apabila membayangkan kemungkinan tidak mengambil wanita `rupawan' bekerja di jabatan kerajaan negeri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, wanita cantik tidak boleh dipersalahkan dan dianiaya dengan menafikan hak mereka mencari nafkah kerana kecantikan adalah anugerah Allah.

"Seseorang wanita tidak boleh dipersalahkan oleh sesiapa jika memiliki wajah cantik kerana ia adalah anugerah Tuhan dan ia bukan permintaan wanita terbabit.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, aspek sama ada lelaki akan tergoda kepada kecantikan wanita, bergantung kepada iman dan ia mampu dielakkan jika lelaki berkenaan tidak merenung wajah wanita cantik.

"Itu bukan salah orang perempuan itu. Dia nampak cantik, Tuhan bagi dia jadi cantik.

"Kita nak diskriminasi atas dia (wanita cantik) pasal apa. Bukan salah dia. Kalau kita tak suka nak tengok, jangan tengoklah. Tengok kaki.

"Sesetengah orang yang warak tak pandang langsung muka orang (wanita). Buat kerja. Tak payah tengoklah muka (wanita).

"Kalau tengok muka boleh bawa perasaan yang tak tentu arah, jangan tengok tetapi janganlah menganiaya orang yang secara kebetulan cantik. Itu bukan salah dia," katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, dekat sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Nik Aziz semalam yang membayangkan kemungkinan mengambil wanita `kurang rupawan' sebagai kakitangan kerajaan negeri, sejajar dasar terus membenarkan wanita bekerja.

Dr Mahathir berkata, selain mementingkan diri sendiri, kenyataan Mursyidul Am Pas itu juga menyerlahkan sifat ketidakprihatinan kerajaan pimpinan Pas dalam memelihara kepentingan wanita.

"Ia menunjukkan mereka tidak prihatin. Yang mereka fikirkan hanyalah diri mereka sendiri. Mereka ini orang yang mementingkan diri sendiri dan orang seperti ini tidak boleh menjadi pemimpin yang baik. Yang kita mahukan ialah orang yang mengambil berat hal semua orang.

"Kita tidak kata kita adil kepada orang miskin kerana orang miskin akan masuk syurga dan tidak adil kepada orang kaya kerana mereka semua akan masuk neraka.

"Inilah minda pemimpin Pas yang meyakinkan saya bahawa mereka bukanlah pemimpin yang sesuai," katanya.

(END)